



## **KENYATAAN MEDIA**

### **JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SEMBILAN**

#### **KES ALAM SEKITAR YANG DIBAWA KE MAHKAMAH DAN TELAH SELESAI:**

#### **PENDAKWARAYA**

#### **LAWAN**

#### **ZHEN XING PLASTIC SDN BHD**

**[NO SYARIKAT: 201801033017 (1295044-P)]**

5 Jun 2024 – Zhen Xing Plastic Sdn Bhd merupakan premis pembuatan bahan kimia di atas Lot 82, Persiaran Bunga Tanjung 2, Senawang Industrial Park, Daerah Seremban, Negeri Sembilan.

2. Bertindak berdasarkan aduan orang awam yang diterima, pada 21 Mei 2021 pada jam sekitar 1.00 tengahari, sepasukan pegawai dari Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah menjalankan siasatan penguatkuasaan ke premis tersebut. Semasa siasatan dijalankan, didapati terdapat pelepasan cecair yang dipercayai hasil daripada pembersihan tumpahan bahan kimia yang dilepaskan ke perairan daratan iaitu longkang awam yang seterusnya mengalir ke Sungai Simen yang menyebabkan pencemaran bau. Pencemaran bau ini telah menjejaskan kehidupan harian penduduk yang mendiami sekitar Sungai Simen. Antara kawasan yang terjejas adalah sekitar kawasan Taman Perindustrian Senawang, Taman D'Latania, D'vena Residence, Taman D'Belsa dan beberapa kawasan sekitar yang lain. Antara aduan yang diterima daripada penduduk tersebut adalah bau yang sangat kuat dan kesukaran bernafas. Dua (2) contoh rasmi buangan terjadual telah diambil di longkang akhir kilang berkenaan dan dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia, untuk dianalisa oleh Ahli Kimia Kerajaan.

3. Keputusan analisa daripada Jabatan Kimia Malaysia, menunjukkan sampel yang diambil tersebut mempunyai kandungan `methyl methacrylate dan fatty acid ester' iaitu **bahan tercemar yang terhasil daripada pembersihan tumpahan bahan kimia (SW408)** seperti yang disenaraikan di bawah **Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.**

4. Pihak premis telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 25(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 25(3) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

5. Hakim Mahkamah Sesyen 4, Seremban, Yang Arif Puan Mazni binti Nawi telah mensabitkan kesalahan yang dilakukan oleh premis tersebut, Syarikat Zhen Xing Plastic Sdn Bhd telah dijatuhkan hukuman denda maksimum iaitu sebanyak RM 100,000.00.

6. Pihak OKS yang diwakili oleh En. Soh Kiong Heng selaku Pengarah Urusan syarikat telah membuat pengakuan bersalah di atas satu (1) pertuduhan yang dibacakan dan membayar denda seperti yang ditetapkan. Pendakwaan dijalankan oleh Pegawai Pendakwa Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan, En Muhammad Fitri bin Soroni dan Pn Zainoorliza binti Zainal Abidin.

7. JAS Negeri Sembilan akan sentiasa mengambil tindakan tegas dan tiada kompromi kepada penjenayah alam sekitar. Saya menyeru orang awam untuk melaporkan sebarang aktiviti yang mencemarkan alam sekitar melalui:

i. Portal e-aduan.doe.gov.my (<https://eaduan@doe.gov.my>)

ii. Call centre 1-800-88-2727

iii. Emel [aduan\\_k@doe.gov.my](mailto:aduan_k@doe.gov.my)

Sekian.

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SEMBILAN 6 JUN 2024